



29 Ogos 2018  
29 August 2018  
P. U. (A) 220

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2018

### *SALES TAX (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2018*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA CUKAI JUALAN 2018

### PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 95(1) Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], Menteri, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pengkompunan Kesalahan) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2018.

#### **Kesalahan yang boleh dikompoun**

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompoun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompoun itu boleh dikompoun dengan keizinan secara bertulis oleh Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.

#### **Tawaran dan penyetujuterimaan kompoun**

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompoun suatu kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang menyetujui terima tawaran untuk mengkompoun suatu kesalahan yang boleh dikompoun hendaklah menyetujui terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua.

#### **Cara mengkompoun**

4. (1) Apabila menerima maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompoun telah dilakukan, mana-mana pegawai kanan cukai jualan boleh, dengan

keizinan secara bertulis oleh Pendakwa Raya, mengeluarkan tawaran untuk mengkompaun kesalahan dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah bagi tempoh empat belas hari, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

(3) Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang telah ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

### **Pembayaran kompaun**

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu melalui cek jurubank atau draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah atau melalui perbankan elektronik.

(2) Berhubung dengan pembayaran yang dibuat melalui cek jurubank atau draf bank, cek jurubank atau draf bank itu hendaklah dihantar melalui pos ke alamat yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi untuk tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

(a) kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 seperti yang berikut:

- (i) subseksyen 13(5);
- (ii) subseksyen 16(9);
- (iii) subseksyen 18(2);
- (iv) subseksyen 21(4);
- (v) subseksyen 24(6);
- (vi) subseksyen 26(7) dan (8);
- (vii) subseksyen 62(4);
- (viii) subseksyen 64(6);
- (ix) subseksyen 71(4);
- (x) subseksyen 86(1) dan (4);
- (xi) seksyen 87;
- (xii) seksyen 88;
- (xiii) subseksyen 90(3);
- (xiv) seksyen 91;
- (xv) subseksyen 97(3); dan
- (xvi) subseksyen 98(3); dan

(b) kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018 [*P. U. (A) 203/2018*] seperti yang berikut:

- (i) subperaturan 5(2);
- (ii) subperaturan 6(3);
- (iii) subperaturan 8(5);
- (iv) subperaturan 9(3);
- (v) subperaturan 11(3);
- (vi) subperaturan 12(5);
- (vii) subperaturan 15(5); dan
- (viii) subperaturan 16(2).

JADUAL KEDUA

BORANG 1

[Subperaturan 2(2)]

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN  
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2018

KEIZINAN UNTUK MENKOMPAN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 95(2) Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya ..... (*nama*) ..... dengan ini memberi keizinan untuk mengkompau ..... (*nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat*)..... bagi kesalahan yang dilakukan di bawah ..... yang dikatakan telah dilakukan pada ..... (*tarikh*) ..... di ..... (*tempat*) .....

Bertarikh..... hari bulan ....., 20.....

.....

Pendakwa Raya/  
Timbalan Pendakwa Raya

BORANG 2

[Subperaturan 3(1)]

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2018

TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Nombor rujukan : .....

Nombor daftar cukai jualan : .....

Tarikh : .....

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

.....

.....

.....

.....

Kepada :

.....

.....

.....

.....

Tuan/Puan\*,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda .....\*

*(nyatakan nama syarikat/perniagaan/badan lain, jika ada\*)*

dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Cukai Jualan 2018  
[Akta 806]/peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta dengan butir-butir  
yang berikut:

(a) peruntukan Akta/peraturan-peraturan yang berkaitan\* :

.....  
 .....

(b) tarikh : .....

(c) masa : .....

(d) tempat : .....

(e) butir-butir kesalahan :

.....  
 .....  
 .....

2. Menurut subseksyen 95(2) Akta Cukai Jualan 2018, dengan keizinan secara bertulis oleh Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM .....(Ringgit Malaysia :..... sahaja).

3. Sekiranya tawaran kompaun diterima, bayaran boleh dibuat melalui cek jurubank atau draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Kastam dan Eksais atau melalui perbankan elektronik beserta dengan baucar bayaran dan dihantar melalui pos ke alamat yang berikut:

Ketua Pengarah Kastam dan Eksais  
 Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
 Pusat Pemprosesan SST  
 Aras 1, Blok A, Kompleks Kastam WPKL  
 Jalan SS 6/3, Kelana Jaya  
 47300 Petaling Jaya  
 Selangor.

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.

5. Tawaran untuk mengkompaun ini sah sehingga..... .

6. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Ketua Pengarah Kastam dan Eksais

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

*Cetakan komputer ini tidak memerlukan tandatangan*

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

Sila potong keratan baucar bayaran dan sertakan bersama bayaran



**Kompaun Cukai Jualan**

**Nombor Baucar : XXXXXXXXXX**

**No. Daftar Cukai Jualan: XXXXXXXXXXXX**

**Jumlah Yang Perlu Dibayar : RM X,XXX.XX**

{NAMA}

{ALAMAT}

**Jumlah Bayaran : RM**

- Untuk pembayaran secara elektronik, sila layari: <https://MySST.gov.my>  
- Bayaran Melalui Cek Jurubank dan Draf Bank hendaklah di atas nama **KETUA PENGARAH KASTAM DAN EKSAIS**  
- Pos bayaran kepada:  
**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUSAT PEMROSESAN KASTAM,  
ARAS 1, BLOK A, KOMPLEKS KASTAM WPKL, JALAN SS 6/3,  
KELANA JAYA, 47301, PETALING JAYA, SELANGOR**

Untuk Kegunaan Pejabat

BORANG 3

[Subperaturan 3(2)]

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2018

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

.....  
.....  
.....

Tuan,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan..... dan bertarikh .....

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama dengan ini pembayaran melalui cek jurubank atau draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Kastam dan Eksais atau melalui perbankan elektronik bagi jumlah wang sebanyak RM.....(Ringgit Malaysia..... sahaja) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan :.....  
Nama (*huruf besar*) :.....  
\*No. Kad Pengenalan/No. Pasport :.....  
Untuk dan bagi pihak (*jika berkenaan*) :.....  
(nama\*syarikat/perniagaan)

Cap rasmi\*syarikat/perniagaan (*jika berkenaan*):

.....

Alamat:

.....  
.....

Tarikh: .....

---

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

Dibuat 28 Ogos 2018  
[Perb. R.0.3865/356/1 Jld.1 (SK.8)/ PN(PU2)751]

LIM GUAN ENG  
*Menteri Kewangan*

Diluluskan 29 Ogos 2018  
[PN(PU2)751]

TOMMY THOMAS  
*Pendakwa Raya Malaysia*

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2018

IN exercise of the powers conferred by subsection 95(1) of the Sales Tax Act 2018 [*Act 806*], the Minister, with the approval of the Public Prosecutor, makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Sales Tax (Compounding of Offences) Regulations 2018**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2018.

**Compoundable offences**

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed to be compoundable offences.

(2) The compoundable offences may be compounded with the consent in writing of the Public Prosecutor in Form 1 of the Second Schedule.

**Offer and acceptance of compound**

3. (1) An offer to compound an offence shall be made in Form 2 of the Second Schedule.

(2) A person who accepts an offer to compound a compoundable offence shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule.

**Method of compounding**

4. (1) Upon receipt of information or complaint that a compoundable offence has been committed, any senior officer of sales tax may, with the consent in writing of the Public Prosecutor, issue an offer to compound offences in Form 2 of the Second Schedule.

(2) An offer to compound an offence is for a period of fourteen days, and if full payment of the sum offered is made on or before the expiry of fourteen days, no further proceedings shall be taken against the person who committed such offence.

(3) If no payment of the compound offered is made on or before the expiry of the period stated in subregulation (2), prosecution may be instituted without further notice.

**Payment of compound**

5. (1) If an offer to compound an offence is accepted by the person to whom the offer is made, he shall pay the compound by banker's cheque or bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director General or through electronic banking.

(2) In relation to the payment made by banker's cheque or bank draft, the banker's cheque or bank draft shall be sent by post to the address specified in Form 2 of the Second Schedule.

(3) The Director General shall issue an official receipt for every payment received under subregulation (1) to the person to whom the offer to compound is made.

FIRST SCHEDULE

[Subregulation 2(1)]

COMPOUNDABLE OFFENCES

The following offences are prescribed to be offences which may be compounded:

(a) the offences committed under the Sales Tax Act 2018 as follows:

- (i) subsection 13(5);
- (ii) subsection 16(9);
- (iii) subsection 18(2);
- (iv) subsection 21(4);
- (v) subsection 24(6);
- (vi) subsections 26(7) and (8);
- (vii) subsection 62(4);
- (viii) subsection 64(6);
- (ix) subsection 71(4);
- (x) subsections 86(1) and (4);
- (xi) section 87;
- (xii) section 88;
- (xiii) subsection 90(3);
- (xiv) section 91;
- (xv) subsection 97(3); and
- (xvi) subsection 98(3); and

(b) the offences committed under the Sales Tax Regulations 2018 [P. U. (A) 203/2018 ] as follows:

- (i) subregulation 5(2);
- (ii) subregulation 6(3);
- (iii) subregulation 8(5);
- (iv) subregulation 9(3);
- (v) subregulation 11(3);
- (vi) subregulation 12(5);
- (vii) subregulation 15(5); and
- (viii) subregulation 16(2).

SECOND SCHEDULE

FORM 1

[Subregulation 2(2)]

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2018

CONSENT TO COMPOUND OFFENCES

IN exercise of the powers conferred by subsection 95(2) of the Sales Tax Act 2018 [Act 806] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [Act 593],  
I ..... (*name*) .....  
hereby give consent to compound ..... (*name of the person to whom the compound offer is made*)..... for the  
offence/offences committed under ..... which is/are  
said to be done on ..... (*date*) ..... at ..... (*place*)  
.....

Dated ..... of....., 20.....

.....  
Public Prosecutor/  
Deputy Public Prosecutor

FORM 2

[Subregulation 3(1)]

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2018

OFFER TO COMPOUND OFFENCES

Reference number : .....

Sales tax register number : .....

Date : .....

Royal Malaysian Customs Department

.....  
.....  
.....  
.....

To:

.....  
.....  
.....  
.....

Sir/Madam\*,

An investigation has been conducted against you .....\*  
*(state name of company/business/other body, if any\*)*

and you are found to have committed the offence under the Sales Tax Act 2018  
[Act 806]/regulations made under the Act with the following particulars:

(a) relevant provisions of the Act/regulations \*:

.....  
.....

- (b) date :.....
- (c) time :.....
- (d) place :.....
- (e) particulars of offence/offences :  
 .....  
 .....

2. Pursuant to subsection 95(2) of the Sales Tax Act 2018, with the consent in writing of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offence/offences stated above for the sum of RM ..... (Ringgit Malaysia..... only).

3. If an offer to compound is accepted, payment may be made by banker's cheque or bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director General of Customs and Excise or through electronic banking together with the payment voucher and sent by post to the following address:

Director General of Customs and Excise  
 Royal Malaysian Customs Department  
 SST Processing Centre  
 Aras 1, Blok A, Kompleks Kastam WPKL  
 Jalan SS 6/3, Kelana Jaya  
 47300 Petaling Jaya  
 Selangor.

4. An official receipt shall be issued on receipt of the payment of the compound.

5. This offer to compound shall be valid until..... .

6. If there is no payment received within period referred to in paragraph 5, prosecution for the offence may be instituted against you without further notice.

Thank you.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Director General of Customs and Excise

Royal Malaysian Customs Department

*\*Delete whichever is inapplicable*

*This is computer generated no signature required*

**ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT**

Please cut here and enclose voucher payment with payment

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                                                          |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                                                          |
| <b>SALES TAX COMPOUND</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | <b>Voucher Number : XXXXXXXXXX</b>                                       |
| <b>Sales Tax Register No.: XXXXXXXXXXXX</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | <b>Total Amount Payable : RM X,XXX.XX</b>                                |
| {NAME}                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                          |
| {ADDRESS}                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                          |
| <b>Total Payment : RM</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | <div style="border: 1px solid black; width: 200px; height: 40px;"></div> |
| <div style="display: flex; justify-content: space-between;"><div><p>- For payment made electronically, please visit: <a href="https://MySST.gov.my">https://MySST.gov.my</a></p><p>- Payment by banker's cheque and bank draft shall be made payable to <b>DIRECTOR GENERAL OF CUSTOMS AND EXCISE</b></p><p>- Payment by registered post to:<br/><b>JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUSAT PEMROSESAN KASTAM,<br/>ARAS 1, BLOK A, KOMPLEKS KASTAM WPKL, JALAN SS 6/3,<br/>KELANA JAYA, 47301, PETALING JAYA, SELANGOR</b></p></div><div><p>For Office Use</p><div style="border: 1px solid black; width: 200px; height: 30px;"></div></div></div> |                                                                          |

FORM 3

[Subregulation 3(2)]

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2018

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCES

To:

.....

.....

.....

Sir,

I refer to the Offer to Compound Offences bearing the Reference No. ....  
dated..... .

2. I admit that I have committed this offence/ these offences and I accept the offer to compound and enclosed herewith the payment by banker's cheque or bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director General of Customs and Excise or through electronic banking for the sum of RM..... (Ringgit Malaysia..... only) as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Offer to Compound Offences.

Signature :.....

Name (*in capital letter*) :.....

\*Identification No./Pasport No. :.....

For and on behalf (*if applicable*) :.....  
(name of \*company/business)

Official stamp of \*company/business (*if applicable*):

.....

Address:

.....  
.....

Date: .....

---

\*Delete whichever is inapplicable

Made 28 August 2018  
[Perb. R.0.3865/356/1 Jld.1 (SK.8)/ PN(PU2)751]

LIM GUAN ENG  
*Minister of Finance*

Approved 29 August 2018  
[PN(PU2)751]

TOMMY THOMAS  
*Public Prosecutor of Malaysia*